

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 4 MAC 2015 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Nuklear Malaysia hasil produk vitamin tingkat pengeluaran pertanian	KOSMO
2.	Tiada permintaan pembenihan awan	Harian Metro
3.	Cuaca diramal kekal panas	Sinar Harian
4.	Dry spell will not affect food supplies, says minister	The Star
5.	Gempa bumi kuar gegar Indonesia	BERNAMA
6.	Better water technologies vital with climate change	New Straits Times

Nuklear Malaysia hasil produk vitamin tingkat pengeluaran pertanian

ARAU - Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) dengan kerjasama Avid Focus Resources Sdn. Bhd. tampil dengan produk vitamin tanaman yang mampu meningkatkan kadar pertumbuhan dan hasil pokok padi, buah-buahan serta bunga-bunga dengan menggunakan teknologi radiasi nuklear.

Pengarah Bahagian Teknologi Pemprosesan Sinar Nuklear Malaysia, Dr. Kamaruddin Hashim berkata, produk vitamin cecair jenama Oligochitosan itu diperbuat daripada ekstrak udang yang disinarkan dengan teknologi pemprosesan radiasi pada tahap derivatif (selamat).

"Jangan kluatir kerana tahap radiasi yang digunakan selamat bukan sahaja untuk tanaman malah manusia. Kita sedia maklum radiasi nuklear digunakan untuk perubatan dan konsep yang lebih kurang sama dipraktikkan untuk pertanian.

"Produk Oligochitosan telah



KAMARUDDIN (dua dari kanan) memberikan penjelasan mengenai produk Oligochitosan kepada Maznah (dua dari kiri) pada Majlis Pelancaran Produk Oligochitosan di Tambun Tulang kelmarin.

diuji di kawasan penanaman padi di Selangor dan Pulau Pinang dan hasilnya agak baik dengan peningkatan 20 hingga 25 peratus hasil padi," katanya pada sidang media sempena pelancaran produk Oligochitosan di Pertubuhan Peladang Kawasan Setiajaya MADA, Tambun Tulang di sini kelmarin.

Turut hadir Pengerusi Eksekutif Kumpulan Securiforce, Datuk Dr. Maznah Hamid. Produk yang digunakan secara semburan itu dijual pada harga RM40 seliter.

Tiada permintaan pembenihan awan

Kuala Lumpur: Paras empangan di seluruh negara masih belum mencapai tahap kritikal sehingga memerlukan operasi pembenihan awan dijalankan.

Mengesahkan perkara itu, Ketua pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Datuk Che Gayah Ismail berkata, pihaknya belum menerima permohonan daripada mana-mana kerajaan negeri bagi menjalankan operasi itu walaupun cuaca panas dan kering.

Bagaimanapun, MetMalaysia bersedia menjalankan operasi pembenihan awan sekiranya terdapat permintaan daripada agensi terbahit.

"Belum ada operasi pembenihan awan dijalankan berikutan belum ada empangan yang dilaporkan mengalami kekurangan air.

"Kita juga mendapati persekitaran seluruh negara tidak mengalami keadaan berjerebu yang memerlukan operasi itu dijalankan," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Cuaca diramal kekal panas

SHAH ALAM - Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan cuaca panas sepanjang minggu ini dan keadaan ini dijangka berterusan hingga hujung bulan ini.

Pengarah Khidmat Korporat dan Komersialnya, Dr Mohd Hisham Mohd Anip berkata, seluruh negara akan mengalami keadaan ini kecuali negeri Sarawak yang mungkin akan mengalami hujan lebih sedikit berbanding negeri lain.

"Bagi minggu ini, cuaca akan kekal panas dan kering tetapi akan mengalami lebih banyak hujan berbanding minggu lalu, namun suhu kekal panas.

"Kalau ada hujan pun, ia mungkin sekejap dan kuantiti yang sedikit. Keadaan ini dijangka akan berterusan untuk tempoh dua atau tiga minggu lagi sehingga bermulanya musim peralihan monsun timur laut kepada monsun barat daya," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Menurutnya, ketika perubahan monsun berlaku, negara akan mengalami hujan lebih dari biasa dan keadaan itu dijangka berterusan sehingga awal Mei.

